

## **BAB KEEMPAT**

**HALANGAN DAN  
CABARAN DAKWAH  
DI PERLIS**

## BAB KE EMPAT

### 4.1. HALANGAN DAN CABARAN DAKWAH ISLAMIAH DI PERLIS

#### Pendahuluan

Bab ini akan memfokuskan kepada bentuk halangan dan permasalahan yang dihadapi oleh institusi-institusi Islam di Perlis dalam menjayakan pendekatan dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Halangan-halangan ini samada yang berpunca dari masalah dalaman institusi itu sendiri mahupun masalah luaran.

Usaha menyebarkan Islam dan menegakkannya di bumi Allah S.W.T. ini adalah satu tugas yang dipenuhi dengan cabaran dan halangan. Sebagaimana di mana-mana tempat dan di mana-mana zaman pun dakwah kepada agama Allah S.W.T. tetap menghadapi halangan dan rintangan, inilah hakikat yang terpaksa dihadapi oleh para pendakwah di Perlis dalam melaksanakan aktiviti dan kegiatan dakwah Islam mereka kepada masyarakat bukan Islam. Halangan dan cabaran melibatkan samada dari tenaga pendakwah itu sendiri mahupun dari kalangan sasaran dakwah .

Oleh kerana aktiviti dakwah ini merupakan aktiviti yang dilakukan oleh semua pendakwah Islam di seluruh Malaysia mahupun di seluruh dunia, kita akan dapati bentuk-bentuk halangan dan cabarannya hampir sama di antara satu tempat dengan tempat yang lain.

Halangan-halangan tersebut boleh kita bahagikan kepada tiga bahagian .

1. Halangan dari institusi dakwah
2. Halangan dari pendakwah
3. Halangan dari sasaran dakwah.

#### **4.1.1 . HALANGAN DARI INSTITUSI DAKWAH DI PERLIS**

##### **1. Halangan Birokrasi Dalam Pentadbiran Sesuatu Institusi .**

Antara beberapa halangan yang membantu usaha dakwah dijalankan dengan lebih giat lagi ialah kelemahan dalam penyusunan aktiviti dakwah. Di Perlis pun kerena birokrasi adalah halangan biasa berlaku dan terpaksa dihadapi oleh pendakwah. Ia biasanya berkaitan dengan aktiviti rasmi mahupun yang melibatkan peruntukan kewangan. Walaupun wujudnya kerjasama antara agensi kerajaan dalam menjayakan sesuatu aktiviti yang disusun namun kadang-kadang ia mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan . Sesuatu program yang hendak dilakukan pula perlu kepada perancangan yang rapi serta kertas kerja yang melibatkan peruntukan kewangan. Para pendakwah pula terikat dengan kerja mereka dan mereka tidak dapat melakukan sesuatu aktiviti jika tidak mendapat apa-apa kelulusan dari pihak atasan .<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar, *op.cit.*

## **2. Bidang Tugas Yang Banyak**

Dalam situasi dakwah di Perlis, ianya perlu kepada satu perhatian yang khusus untuk menjalankan aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam, namun setakat ini belum ada satu jawatan khusus untuk memikul tanggungjawab melaksanakan aktiviti dakwah terhadap masyarakat bukan Islam. Pegawai yang ada di Jabatan Agama Islam Perlis pula dibebankan dengan banyak tugas lain termasuk kegiatan dakwah kepada masyarakat bukan Islam . Oleh yang demikian tidak banyak aktiviti dakwah yang boleh disusun untuk diketengahkan kepada masyarakat bukan Islam lantaran kekurangan kakitangan dan beban tugas yang banyak perlu diselesaikan.<sup>2</sup>

## **3. Kelemahan Dalam Mempelbagaikan Pendekatan .**

Situasi umat Islam masa kini yang sibuk khususnya golongan pendakwah menyebabkan mereka tidak berkesempatan untuk mempelbagaikan pendekatan dakwah terhadap masyarakat bukan Islam. Seseorang pendakwah perlu bijaksana mencari pelbagai cara untuk berdakwah kerana inilah yang dituntut apabila mencebur diri dalam medan dakwah. Tetapi masalah yang dihadapi di Perlis ialah kelemahan dan kekurangan idea dalam mempelbagaikan pendekatan-pendekatan baru yang boleh diketengahkan sebagai cara berdakwah kepada masyarakat bukan Islam. Hal ini berlaku disebabkan kurangnya jalinan kerjasama di antara institusi

<sup>2</sup> Temubual dengan Ustazah Resinah binti Ali, *op.cit.*

dakwah di Perlis kerana setiap institusi tersebut kebanyakannya membawa haluan masing-masing dalam setiap aktiviti yang dijalankan oleh mereka, tidak adanya kesepaduan dalam kerja dakwah mahupun persepakatan di antara semua institusi tersebut. Kalau ada pun hanya melibat dua institusi sahaja iaitu PERKIM dan Jabatan Agama Islam Perlis .<sup>3</sup>

#### **4. Sumber Kewangan Yang Tidak Mencukupi**

Dalam menyusun setiap aktiviti dakwah, ia memerlukan kewangan yang mencukupi sebagaimana Rasulullah s.a.w. sendiri dan sahabatnya Abu Bakar dan lain-lain lagi yang sanggup mengorbankan harta benda sendiri demi menyebarkan agama Allah S.W.T.. Oleh kerana sumber kewangan yang terhad, banyak aktiviti dakwah yang hendak dilakukan terbantut dan ada yang terpaksa ditangguhkan kerana masalah kewangan. Bantuan dari pihak kerajaan tidak mencukupi kerana sumber kewangan yang ada hanya cukup untuk membiayai beberapa program sahaja.<sup>4</sup>

#### **5. Pembahagian Tugas Yang Tidak Sama**

Sesetengah pegawai dakwah adakalanya tidak diberi tugas yang sesuai baginya, JAIPS menghadapi masalah dalam pembahagian tugas contohnya tidak ada pendakwah yang khusus dari kalangan lelaki, ketiadaan ini menyebabkan banyak ruang yang sepatutnya diambil oleh pendakwah terpaksa dilepaskan

<sup>4</sup> Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar, *op.cit.*

<sup>5</sup> Temubual dengan Ustaz Idris bin Yaakob, *op.cit.*

iantaran pendakwah wanita tidak berkemampuan melakukannya. Perkara ini berlaku disebabkan tidak ada perhatian khusus untuk aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Banyak aktiviti yang dilakukan hanya untuk memenuhi tuntutan sahaja dan tidak lebih dari itu. Sehingga sekarang tidak satu program dakwah khusus untuk masyarakat bukan Islam.<sup>6</sup>

## **6. Kekurangan Institusi Dakwah Yang Terlibat Dalam Dakwah Terhadap Masyarakat Bukan Islam.**

Dalam menghadapi cabaran dakwah yang begitu besar di Perlis sudah tentu memerlukan lebih banyak institusi dakwah yang berperanan mendakwahkan masyarakat bukan Islam serta memperkenalkan Islam kepada mereka, tetapi di Perlis hanya terdapat dua institusi sahaja yang terlibat dalam kegiatan dakwah kepada golongan bukan Islam iaitu PERKIM Perlis dan Jabatan Agama Islam Perlis, institusi-institusi dakwah yang lain boleh dikatakan tidak terlibat dengan aktiviti tersebut. Tanpa adanya kerjasama dari semua pihak maka sudah tentu wujudnya kesukaran dalam melaksanakan dakwah kepada masyarakat bukan Islam tambahan masyarakat bukan Islam berbeza cara hidup dengan masyarakat bukan Islam sudah tentu menyukarkan kerja dakwah.<sup>7</sup>

---

<sup>6</sup> Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar, *op.cit.*

<sup>7</sup> *Ibid.* .

#### **4.1.2. HALANGAN DARI PENDAKWAH**

##### **1. Kekurangan Pendakwah Berpengalaman**

Dalam menghadapi realiti dakwah pada masa sekarang ini, para pendakwah sebenarnya memerlukan pengalaman yang luas dalam menghadapi sasaran dakwah, lebih-lebih lagi sasaran dakwah di Perlis terdiri dari berbagai bangsa dan agama. Ini merupakan kelemahan yang sedia ada di kalangan pendakwah Islam. Oleh kerana aktiviti dakwah memakan masa yang lama, pengalaman akan dapat dipelajari hasil penglibatan seseorang pendakwah di dalam kerja dakwah. Walaupun terdapat sesetengah pendakwah mungkin telah lama berkecimpung dalam bidang dakwah kepada masyarakat bukan Islam di tempat lain, tetapi kemungkinan suasana yang dihadapinya di tempat yang baru berbeza, begitu juga dengan suasana dakwah di Perlis seseorang pendakwah memerlukan masa untuk melihat dan mengkaji suasana dakwah dan pendekatan yang diperlukan semasa berdakwah.<sup>8</sup>

##### **2. Masalah Peribadi Dan Bebanan Kerja Lain**

Kerja dakwah pada hakikatnya memerlukan perhatian yang serius dan tumpuan sepenuhnya dari seseorang pendakwah, ianya bukan kerja yang berbentuk sampingan yang perlu dilakukan bila ada ruang masa sahaja. Para nabi

---

<sup>8</sup> Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar. *op.cit.*

dan rasul apabila mereka ditugaskan menyeru manusia mereka telah mengabdikan diri mereka sepenuhnya untuk kerja dakwah. Di Perlis para pendakwah tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap aktiviti dakwah lantaran sibuk dengan urusan keluarga, kerja dan bebanan tugas lain yang perlu dibereskan. Inilah kelemahan yang berlaku di kalangan pendakwah Islam yang tidak dapat menceburi bidang ini sepenuh masa. Hal ini berbeza dengan pendakwah Kristian yang mana dapat memberi tumpuan sepenuh dengan aktiviti dakwah mereka disebabkan mereka tidak diganggu dengan urusan-urusan keluarga dan kerja-kerja yang lain.<sup>9</sup>

### **3. Kurang Kepakaran Dalam Ilmu Dakwah .**

Bagi pendakwah yang mula-mula menceburi bidang ini sudah tentu mereka perlu kepada ilmu yang berkaitan dengan dakwah serta metodologi yang sesuai, terutama ketika menghadapi masyarakat bukan Islam. Dengan ilmu Islam yang tinggi serta pengetahuan tentang teknik-teknik dakwah yang berkesan, lebih banyak program yang boleh disusun untuk diketengahkan sebagai aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia yang mempunyai kepakaran yang khusus dalam bidang dakwah, Perlis nyata agak ketinggalan dan menghadapi masalah kekurangan kepakaran .<sup>10</sup>

---

<sup>9</sup> Temubual dengan Ustaz Abdullah bin Tean, *op.cit.*

<sup>10</sup> Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar, *op.cit.*

#### **4. Sikap Tidak Mementingkan Dakwah**

Terdapat juga segelintir individu yang terlibat dalam institusi dakwah tidak begitu mementingkan kerja dakwah dan mereka hanya melakukannya hanya semata-mata kerana ditugaskan untuk melakukannya. Kadang-kadang sesetengah pendakwah bila menghadapi beberapa masalah dalam aktiviti dakwah mereka akan berhenti seketika dan menumpukan kepada kerja lain. Sesetengahnya pula merasakan bahawa ada orang lain yang lebih layak untuk memikul tugas dakwah ini.<sup>11</sup> Ini boleh dilihat terhadap aktiviti dakwah yang dilakukan begitu sedikit sedangkan medan dakwah amatlah luas. Sikap ini mungkin berpunca kerana sikap tidak mengambil berat dengan kerja dakwah .

#### **5. Tidak Memahami Kehendak Dakwah Yang Sebenar**

Tidak semua pendakwah yang terlibat dalam aktiviti dakwah di Perlis memahami kehendak dakwah yang dikehendaki oleh Islam. Banyak dari pendakwah yang terlibat dalam aktiviti hanya memberi tumpuan kepada dakwah terhadap orang-orang Islam sahaja dan mengabaikan aspek yang lebih penting lagi iaitu dakwah kepada golongan bukan Islam. Ramai dari kalangan pendakwah tersebut keberatan untuk menjalankan aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam kerana merasakan tidak mempunyai kemampuan di samping itu fahaman sesetengah institusi dakwah yang mengutamakan dakwah

---

<sup>11</sup> Temubual dengan Ustaz Abu Bakar bin Abdullah, *op.cit*

terhadap orang Islam dan membiarkan dakwah terhadap orang bukan Islam seperti anggota Jemaah Tabligh yang pada dasarnya mengutamakan dakwah terhadap masyarakat Islam itu secara khususnya.<sup>12</sup>

## **6. Kelemahan Pendakwah Dalam Menyesuaikan Diri Dengan Masyarakat Bukan Islam**

### **Bukan Islam**

Dalam situasi dakwah di Perlis, para pendakwah menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat bukan Islam kerana beberapa sebab, antaranya ialah perbezaan kehidupan dan budaya hidup. Perbezaan ini menyebabkan golongan pendakwah di Perlis tidak berpeluang untuk mendekati sasaran dakwah dari kalangan bukan Islam secara lebih dekat. Ini mungkin disebabkan kelemahan pendakwah sendiri yang tidak berkemampuan untuk menyesuaikan diri mereka di samping kurang pengalaman dalam teknik-teknik dakwah yang berkesan. Oleh yang demikian banyak aktiviti -aktiviti dakwah terhadap bukan Islam dilakukan secara umum sahaja samada melalui bahan-bahan bacaan atau ceramah umum.<sup>13</sup>

## **7. Tidak Menggunakan Setiap Peluang Yang Ada Untuk Tujuan Dakwah**

Terdapat juga pendakwah di Perlis yang tidak menggunakan setiap peluang yang ada untuk dijadikan landasan untuk berdakwah. Ini dilihat sebagai satu

<sup>12</sup> Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar, *op.cit.*

<sup>13</sup> Temubual dengan Ustaz Abdullah Tean, *op.cit.*

kerana terdapat beberapa perkara yang perlu diketahui oleh pendakwah secara umumnya bagaimana hendak mendekati golongan bukan Islam. Tidak adanya keperihatinan masyarakat Islam dalam tugas dakwah juga merupakan salah satu sebab dakwah Islam terbantut kerana peranan yang sepatutnya dimainkan oleh setiap umat Islam telah diabaikan.<sup>19</sup> Sepatutnya umat Islam sendiri mempamerkan contoh keperibadian sebenar sebagai seorang muslim supaya dapat dilihat oleh masyarakat bukan Islam, secara tak langsung menjadi salah satu cara dakwah yang berkesan kepada masyarakat bukan Islam, dengan ini mereka sudah pasti akan tertarik kepada Islam .

### **3. Golongan Mualaf Yang Tidak Berpendidikan Tinggi**

Matlamat PERKIM dan JAIPS untuk mewujudkan pendakwah dari kalangan saudara baru agak lambat dicapai kerana kebanyakan golongan saudara baru di Perlis ialah dari kalangan yang berpendidikan rendah dan kebanyakannya pula memeluk Islam di atas dasar perkahwinan. Oleh sebab itu minat untuk mempelajari ilmu-ilmu Islam tidak begitu mendalam sama seperti orang-orang Islam yang kebanyakannya tidak begitu berminat untuk mendalami ilmu-ilmu Islam , berbanding dengan negeri-negeri lain contoh di Wilayah Persekutuan dan Johor , kebanyakan golongan yang memeluk Islam adalah dari golongan intelek dan mempunyai taraf ekonomi yang baik. Mereka memeluk Islam di atas kesedaran sendiri dan sudah tentu kedudukan mereka tidak memerlukan kepada

---

<sup>19</sup> Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar . *op.cit.*

kerana terdapat beberapa perkara yang perlu diketahui oleh pendakwah secara umumnya bagaimana hendak mendekati golongan bukan Islam. Tidak adanya keperihatinan masyarakat Islam dalam tugas dakwah juga merupakan salah satu sebab dakwah Islam terbantut kerana peranan yang sepatutnya dimainkan oleh setiap umat Islam telah diabaikan.<sup>19</sup> Sepatutnya umat Islam sendiri mempamerkan contoh keperibadian sebenar sebagai seorang muslim supaya dapat dilihat oleh masyarakat bukan Islam, secara tak langsung menjadi salah satu cara dakwah yang berkesan kepada masyarakat bukan Islam, dengan ini mereka sudah pasti akan tertarik kepada Islam .

### **3. Golongan Mualaf Yang Tidak Berpendidikan Tinggi**

Matlamat PERKIM dan JAIPS untuk mewujudkan pendakwah dari kalangan saudara baru agak lambat dicapai kerana kebanyakan golongan saudara baru di Perlis ialah dari kalangan yang berpendidikan rendah dan kebanyakannya pula memeluk Islam di atas dasar perkahwinan. Oleh sebab itu minat untuk mempelajari ilmu-ilmu Islam tidak begitu mendalam sama seperti orang-orang Islam yang kebanyakannya tidak begitu berminat untuk mendalami ilmu-ilmu Islam , berbanding dengan negeri-negeri lain contoh di Wilayah Persekutuan dan Johor , kebanyakan golongan yang memeluk Islam adalah dari golongan intelek dan mempunyai taraf ekonomi yang baik. Mereka memeluk Islam di atas kesedaran sendiri dan sudah tentu kedudukan mereka tidak memerlukan kepada

---

<sup>19</sup> Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar . *op.cit.*

bantuan dari mana-mana Jabatan Agama atau pun masyarakat Islam yang lain . Mereka juga sudah pasti akan terus mendalamai ilmu-ilmu tentang Islam kerana semangat yang ada pada mereka untuk terus mengkaji berbanding dengan keadaan saudara baru di Perlis yang kebanyakannya terpaksa dibantu samada bantuan kewangan mahupun sokongan moral dan mereka biasanya terus menerus mengharapkan bantuan dari mana-mana institusi dakwah dan kerajaan . Tahap pencapaian mereka dalam bidang ilmu Islam juga amatlah rendah kerana sikap sesetengah dari kalangan saudara baru yang datang menghadiri kelas hanya kerana ingin mendapat elaua kehadiran semata-mata .<sup>20</sup>

#### **4. Masyarakat Bukan Islam Yang Susah Untuk Didekati**

Dari segi sasaran dakwah pula ialah masyarakat bukan Islam yang susah untuk didekati oleh pendakwah secara keseluruhannya. Ini kemungkinan adalah disebabkan tempat tinggal yang berasingan dan hubungan antara pendakwah itu sendiri dengan masyarakat bukan Islam. Dari segi pendekatan dakwah sepatutnya seseorang pendakwah terlebih dahulu memperkuatkannya hubungan dengan sasaran dakwah sebelum mengemukakan dakwah kepada seseorang. Dalam hal ini di Perlis sudah pasti ia merupakan satu halangan kerana pendakwah biasanya tidak begitu rapat dengan sasaran dakwah yang bukan Islam. Oleh sebab itu perlu setiap pendakwah mengenali cara pergaulan dan budaya sesuatu masyarakat yang menjadi sasaran dakwah.

---

<sup>20</sup> *Ibid.*

Golongan saudara baru dianggap sebagai pelapis terbaik dalam usaha dakwah di kalangan masyarakat bukan Islam memandangkan mereka berkemampuan untuk berkomunikasi dan mendekati sesuatu sasaran dakwah. Namun matlamat mewujudkan pendakwah yang berkebolehan dari kalangan mualaf sehingga sekarang masih lagi belum dicapai .

## **5. Tiada Kerjasama Dan Bantuan Dari Masyarakat Islam**

Antara masalah yang dihadapi dalam kegiatan dakwah di Perlis ialah tidak mendapat kerjasama dari umat Islam setempat. Biasanya hanya pendakwah sahaja yang terpaksa memikul tugasnya tanpa dibantu oleh masyarakat Islam yang lain. Tanpa ada bantuan dan sokongan dari umat Islam menyebabkan para pendakwah tidak begitu bersemangat dalam meneruskan aktiviti dakwah mereka kepada masyarakat bukan Islam.<sup>21</sup>

## **6. Kurangnya Bantuan Kewangan Dari Masyarakat Islam .**

Masyarakat Islam tempatan kurang prihatin terhadap kegiatan dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Ini adalah halangan yang terpaksa dihadapi oleh pendakwah di mana-mana tempat. Di Perlis misalnya, tidak ada sumbangan yang diterima dari orang perseorangan mahu pertubuhan untuk disalurkan kepada aktiviti dakwah terhadap masyarakat bukan Islam. Kalau ada pun hanya datang

---

<sup>21</sup> *Ibid.*

dari Baitul Mal Negeri Perlis sahaja dan jumlahnya sudah tentu tidak mencukupi . Kesedaran masyarakat Islam ini terhadap kepentingan dan kewajipan berdakwah amat rendah dan menyedihkan.<sup>22</sup> Hakikat ini amatlah berbeza dengan mana-mana aktiviti dakwah yang diadakan oleh agama-agama lain . Sebagai contohnya Pertubuhan Agama Hindu dan Persatuan Agama Kristian yang bergerak di seluruh dunia Islam dan kepulauan Melayu Indonesia dan Malaysia mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk melakukan aktiviti dakwah mereka. Oleh sebab itu mereka boleh menumpukan sepenuh masa mereka untuk kerja-kerja dakwah berbanding dengan pendakwah agama Islam yang terpaksa menguruskan rumah tangga dan kerja-kerja sampingan yang lain.<sup>23</sup>

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> Temubual dengan Ustaz Idris bin Yaakob, *op.cit.* dan Ustaz Abdullah Tean, *op.cit.*

#### **4.2. PERBEZAAN ANTARA SASARAN DAKWAH DI PERLIS DENGAN SASARAN DAKWAH DI MEKAH**

Golongan sasaran dakwah berbeza mengikut keadaan dan tempat. Semua ini memerlukan kebijaksanaan pendakwah dalam melaksanakan tugas dakwah tersebut. Perkara ini jika dilihat dari satu sudut merupakan halangan yang perlu dihadapi oleh setiap pendakwah. Golongan sasaran dakwah di Mekah pada zaman Rasulullah s.a.w. berbeza dengan masyarakat bukan Islam di Perlis . Antara perbezaan tersebut ialah : -

##### **4.2.1. Perbezaan Akidah Kepercayaan.**

Sasaran dakwah Rasulullah s.a.w. di Mekah dan sekitarnya kebanyakannya dari golongan yang mempercayai Allah S.W.T. . Walaupun terdapat berbagai agama dan kepercayaan di Mekah ketika itu, namun majoriti mereka dari kalangan penyembah berhala yang mengakui kewujudan Allah S.W.T tetapi mempersekuatNya. Walaupun mereka mengakui kewujudan Allah S.W.T tetapi mereka menyembah samada patung berhala, pokok-pokok kayu, jin-jin dan juga bulan bintang sebagai tuhan .<sup>24</sup>

Mereka ini di gelar golongan musyrikin kerana mereka mengakui kewujudan Allah S.W.T. , tetapi mereka mempersekuatNya. Nabi Muhammad s.a.w. mengajak mereka kembali kepada tauhid sebagaimana

---

<sup>24</sup> H. Rus'an , *op.cit.* , hlm. 17 .

mereka mendakwa mereka pengikut Nabi Ibrahim a.s.

Sementara masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis kebanyakannya beragama bukan samawi, seperti masyarakat Cina kebanyakannya berpegang dengan agama nenek moyang dari Tanah Besar Cina dan sedikit sahaja yang beragama Kristian. Manakala masyarakat India pula majoritinya beragama Hindu dan masyarakat Siam pula beragama Budha. Kesemua agama tersebut bukan agama *Samawi* yang mengakui kewujudan Allah S.W.T kecuali agama Kristian. Mereka tidak mengenali Allah S.W.T kerana mereka kufur dengan Allah S.W.T.<sup>25</sup>

Perbezaan ini adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh pendakwah memandangkan wujudnya perbezaan dalam akidah, namun secara umumnya golongan ini tetap mempercayai kewujudan kuasa tuhan yang mencipta dan mentadbir alam ini.

#### **4.2.2. Perbezaan Dari Segi Bahasa**

Golongan sasaran dakwah Nabi Muhammad s.a.w. di Mekah kebanyakannya berbangsa Arab dan mereka dapat memahami dengan baik setiap ayat-ayat al-Qur'an dan ajaran Islam, cuma sikap mereka sahaja yang degil tidak mahu menerima kebenaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Ini dibuktikan dengan sikap kagum mereka terhadap mukjizat al-Qur'an yang dapat melemahkan ahli-ahli bahasa yang ada

---

<sup>25</sup> Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar, *op.cit.*

pada masa itu di mana pemimpin Quraisy sendiri seperti ‘Utbah bin Rabi‘ah mengakui kehebatan dan ketinggian bahasa al-Qur'an dan mereka tidak mampu untuk mencipta sama seperti al-Qur'an walaupun mereka terkenal sebagai ahli bahasa .<sup>26</sup>

Masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis pula tidak memahami tentang ajaran Islam kecuali selepas di terjemahkan kepada mereka. Selain dari itu tidak semua ajaran dapat disampaikan dengan sempurna lantaran kekurangan pendakwah yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam pelbagai bahasa. Perbezaan bahasa pertuturan adalah satu masalah yang perlu di beri perhatian oleh para pendakwah ini kerana ia adalah halangan dalam penyebaran Islam kerana kemungkinan masyarakat bukan Islam tidak dapat memahami dengan sepenuhnya ajaran Islam kecuali dengan bahasa mereka sendiri, di samping itu juga penduduk bukan Islam Perlis bukan hanya terdiri dari satu bangsa bahkan ianya terdiri dari tiga bangsa iaitu Cina, India dan Thailand yang sememangnya berlainan bahasa pertuturan .<sup>27</sup>

#### **4.2.3. Perbezaan Dari Segi Keturunan Dan Bangsa**

Masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis berbeza dengan masyarakat Arab Mekah dari segi bangsa dan keturunan. Masyarakat Arab Mekah dari keturunan dan bangsa yang sama dengan Rasulullah s.a.w. .

---

<sup>26</sup> Ibn Kathir (1986), *al-Bidayah wa al-Nihayah ,op.cit ,*jld 2 hlm. 59 .

<sup>27</sup> Temubual dengan En. Abu Bakar bin Abdullah , *op.cit* .

Oleh yang demikian Nabi Muhammad s.a.w. telah mengambil pendekatan yang berbeza ketika berdakwah kepada kaum musyrikin Mekah di mana beliau telah membangkitkan asal usul keturunan mereka berpunca dari Nabi Ibrahim a.s. dan apa yang diajarkan oleh Nabi Ibrahim a.s. adalah ajaran tauhid. Beliau s.a.w. bertindak mengembalikan mereka kepada tauhid sebagaimana yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. <sup>28</sup>

Masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis pula bukan dari satu bangsa kerana mereka bangsa yang berlainan adat dan keturunan . Masyarakat Cina contohnya berbeza dengan masyarakat India mahu pun masyarakat Thailand. Perbezaan keturunan dan bangsa ini sudah tentu membawa kepada perbezaan dari segi adat dan kebudayaan serta tata cara hidup. Oleh sebab itu setiap pendekatan dakwah yang dilakukan perlu kepada pendekatan yang lebih khusus kepada setiap masyarakat kerana setiap pendekatan yang diambil perlu dilihat kepada kesannya kepada dakwah Islam .<sup>29</sup>

#### **4.2.4. Perbezaan Dari Segi Hubungan Dan Pertalian Keluarga .**

Masyarakat Arab Mekah kebanyakannya mempunyai pertalian keluarga dengan diri Rasulullah s.a.w. , Kebanyakan sasaran dakwah Rasulullah s.a.w. di Mekah dari keluarganya sendiri dan mereka mengenalinya sejak beliau masih kecil lagi. Mereka telah hidup bersamanya dan telah bergaul dengannya selama 40 tahun , sebelum beliau dilantik sebagai rasul. Oleh

<sup>28</sup> Sayyid Qutub (1984) , *op.cit.* , jld. 5 hlm. 2750 .

<sup>29</sup> Temubual dengan Ustaz Abdullah bin Tean , *op.cit.*

sebab itu semasa Nabi Muhammad s.a.w. memulakan usaha dakwahnya beliau telah mengungkit kembali sejarah hidupnya ketika dia hidup bersama kaum Quraisy di mana hal ini tidak dapat dinafikan oleh mereka. Nabi Muhammad s.a.w. sendiri telah mengambil pendekatan dakwah dengan mendahuluikan keluarganya terlebih dahulu.<sup>30</sup>

Hubungan kekeluargaan ini biasa membawa keuntungan kepada pendakwah terutama apabila ia memerlukan simpati dan sokongan moral. Masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis pula tidak mempunyai hubungan, baik dari segi keturunan maupun dari segi bangsa. Perbezaan ini menyebabkan para pendakwah memerlukan pendekatan yang lebih khusus dalam dakwah mereka.<sup>31</sup>

#### **4.2.5. Perbezaan dari Segi Kefahaman Tentang Ajaran Agama .**

Masyarakat Arab yang dihadapi oleh Rasulullah s.a.w. ialah masyarakat yang terkenal pada masa itu dengan sastera yang tinggi dalam bahasa mereka. Ini terbukti dengan wujudnya beberapa pasar di sekitar Kota Mekah yang menghimpunkan tokoh-tokoh penyair untuk memperdengarkan syair-syair mereka kepada masyarakat Arab yang memang gemar mendengar dan mengingati syair-syair tersebut.<sup>32</sup>

---

<sup>30</sup> Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar , *op.cit*.

<sup>31</sup> *Ibid.*

<sup>32</sup> Ibn Kathir (1986), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, *op.cit* , jld. 3 hlm. 30 .

Kedatangan Rasulullah s.a.w. membawa al-Qur'an yang lebih tinggi bahasanya dan tidak dapat ditandingi oleh tokoh-tokoh bahasa membuatkan mereka mengakui ketinggian bahasa al-Qur'an. Oleh yang demikian kita mendapati ramai dari kalangan mereka menerima Islam selepas mendengar ketinggian bahasa al-Qur'an yang membuat mereka terpegun seperti yang berlaku kepada Saidina Umar r.a. Setiap kali Rasulullah s.a.w. berdakwah beliau akan membacakan ayat-ayat al-Qur'an kepada orang-orang Quraisy samada kepada para pemimpin Quraisy mahupun kepada golongan biasa termasuk juga golongan hamba.<sup>33</sup>

Masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis pula bukan sahaja tidak memahami al-Qur'an dan kandungannya, malah mereka juga ada yang tidak memahami bahasa Melayu yang menjadi bahasa perhubungan di Negeri Perlis lantaran ada dari kalangan mereka yang tidak mempelajarinya di sekolah-sekolah terutamanya orang-orang tua yang menetap di Negeri Perlis sebelum Malaysia merdeka lagi, tambahan pula PERKIM dan JAIPS banyak menggunakan pendekatan dakwah melalui bahan-bahan bacaan yang disebarluaskan di tempat tumpuan masyarakat bukan Islam.<sup>34</sup>

#### **4.2.6. Perbezaan Tentang Kehidupan Sosio Budaya**

Masyarakat Arab Mekah yang hidup bersama Rasulullah s.a.w. mempunyai budaya hidup yang sama dengannya. Mereka hidup di tengah-

<sup>33</sup> Ibn Athir (1985), *op.cit.*, jld. 2 hlm. 47.

<sup>34</sup> Temubual dengan Ustaz Abdullah Tean, *op.cit.*

tengah Kota Mekah yang dikelilingi bukit-bukit batu dan mereka bergantung kepada perniagaan yang dilakukan samada ke Syam pada musim panas atau ke Yaman pada musim sejuk. Al-Qur'an juga banyak menggambarkan kehidupan mereka dan apa yang berada di sekeliling mereka . Oleh kerana keadaan sosio budaya yang ada pada masa itu sama di antara masyarakat Arab, memudahkan bagi Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya berdakwah, terutama di tempat berkumpulnya masyarakat Arab ketika musim haji. Mereka datang ke Mekah untuk menunaikan haji dan mereka berkumpul di sekitar Kota Mekah. Rasulullah s.a.w. menggunakan kesempatan tersebut untuk berdakwah kepada mereka .

Masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis pula berbeza kehidupan sosio budaya antara satu sama lain, bergantung dengan tempat dan bangsa itu sendiri . Masyarakat Melayu biasanya lebih banyak terlibat dalam bidang pertanian di samping itu tempat tinggal mereka pula biasa berasingan dengan amsyarakat bukan Islam yang lain. Masyarakat Cina pula lebih banyak terlibat dalam bidang perniagaan, Begitu juga dengan masyarakat India dan masyarakat Thailand. Perbezaan ini menyulitkan pendakwah untuk merapatkan diri mereka dan menyampaikan ajaran Islam kepada golongan masyarakat bukan Islam .

Dalam sesetengah keadaan perbezaan taraf ekonomi di antara masyarakat Islam dengan masyarakat bukan Islam juga membawa kesulitan dalam aktiviti dakwah. Ini kerana masyarakat bukan Islam ada yang memandang umat Islam adalah golongan yang malas dan tidak

mementingkan aktiviti ekonomi berdasarkan apa yang mereka saksikan sendiri terhadap masyarakat Melayu yang rata-rata ketinggalan dalam bidang ekonomi.<sup>35</sup>

## **Kesimpulan**

Secara umumnya penulis dapat membuat kesimpulan bahawa perbezaan sasaran dakwah samada dari segi keturunan, budaya hidup serta bahasa yang berbeza adalah halangan yang perlu diambil perhatian yang sewajarnya oleh setiap pendakwah. Situasi yang terdapat di Perlis mendorong kepada lemahnya aktiviti dakwah terhadap masyarakat bukan Islam. Walaubagaimana pun penulis dapat merasakan bahawa para pendakwah sebenarnya sanggup memberikan sumbangan dalam menjayakan aktiviti dakwah mereka jika sekiranya mendapat sokongan dan kerjasama dari setiap umat Islam.

---

<sup>35</sup> *Ibid.*

#### **4.3. PERBANDINGAN ANTARA PENDEKATAN DAKWAH RASULULLAH S.A.W. DI MEKAH DENGAN PENDEKATAN INSTITUSI ISLAM DI PERLIS.**

##### **Pendahuluan**

Rasulullah s.a.w. telah melaksanakan dakwahnya di Kota Mekah selama tiga belas tahun, sepanjang tempoh itu, beliau telah mempelbagaikan pendekatan dakwahnya terhadap kaum Musyrikin samada melalui isi kandungan dakwah, cara penyampaian dan juga penampilan akhlak yang mulia.

Secara umumnya pendekatan dakwah institusi-institusi Islam di Perlis adalah sama dengan pendekatan dakwah Rasulullah s.a.w. dari beberapa aspek, namun begitu terdapat juga ruang perbezaan antara pendekatan dakwah yang dilakukan oleh institusi Islam di Perlis dengan pendekatan dakwah yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.. Ini disebabkan wujudnya perbezaan antara sasaran dakwah Rasulullah s.a.w. di Mekah dengan sasaran dakwah di Negeri Perlis.

Institusi Islam yang terdapat di Perlis seperti ABIM, Jemaah Tabligh, Persatuan Islah Perlis dan Parti Islam SeMalaysia(PAS) secara umumnya melakukan aktiviti dakwah hanya kepada masyarakat Islam sahaja. Oleh yang demikian aktiviti dakwah institusi Islam di Perlis boleh dibahagikan kepada dua bahagian :-

1. Dakwah kepada Masyarakat Islam
2. Dakwah kepada Masyarakat Bukan Islam

**1. Pendekatan Dalam Bentuk Memberi Peringatan.**

Aktiviti dakwah yang dijalankan oleh institusi Islam di Perlis lebih memfokuskan kepada umat Islam di mana ia berbentuk memberi peringatan kepada mereka supaya mengamalkan ajaran Islam dan kembali berpegang kepada ajaran Islam yang sebenarnya. Umat Islam akan diberi peringatan samada dalam bentuk ceramah-ceramah agama di masjid-masjid atau melalui ceramah umum di tempat-tempat awam atau melalui siaran radio Perlis. Aktiviti ini dilakukan oleh pendakwah samada dari Jemaah Tabligh, ABIM, JAIPS dan Persatuan Islah Perlis.

Aktiviti ini akan mendapat sambutan dari masyarakat Islam berdasarkan kekuatan yang dimiliki oleh penceramah samada dari segi penyampaiannya mahupun isi kandungan yang disampaikan. Pendekatan ini dilakukan oleh institusi Islam disebabkan keadaan umat Islam yang dilihat jauh dari amalan Islam dan ini perlu kepada satu usaha memberi peringatan agar mereka sentiasa menghayati dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Rasulullah s.a.w. juga sentiasa memberi peringatan kepada para sahabatnya. Walaupun umat Islam pada masa itu sudah begitu teguh pegangan mereka namun umat Islam tetap perlu kepada peringatan samada berbentuk lisan mahupun berbentuk tulisan kerana peringatan sesama umat Islam membawa faedah kepada mereka. Ini kerana sifat manusia adalah pelupa.

## **2. Pendekatan melalui Perjumpaan sesama ahli .**

Setiap ahli sesuatu institusi Islam biasanya akan mengadakan aktiviti sesama ahli bagi tujuan mempereratkan hubungan sesama mereka. Perjumpaan ini diadakan samada berbentuk perjumpaan mingguan mahupun perjumpaan harian. Aktiviti ABIM biasanya berbentuk perjumpaan mingguan sesama ahli yang dinamakan Usrah Mingguan. Begitu juga dengan aktiviti Jemaah Tabligh yang mengadakan perjumpaan mingguan bagi mengumpulkan ahli jemaah dari seluruh Negeri Perlis di Markaz mereka. Sama juga dengan Persatuan Islah Perlis yang mengadakan pertemuan mingguan samada dalam majlis ilmu mahupun perjumpaan di Markaz mereka di Mata Air, Perlis.

Rasulullah s.a.w. telah mengumpulkan para sahabatnya di rumah al-Arqam bagi memperkuatkannya hubungan sesama mereka kerana umat Islam pada masa itu masih baru dan perlu kepada suasana iman bagi menguatkan akidah mereka .

## **3. Pendekatan Melalui Amalan Ziarah ke Rumah-rumah.**

Amalan ini dilakukan oleh Ahli Jemaah Tabligh yang begitu giat melakukan amalan ziarah dari rumah ke rumah. Amalan ini dilakukan samada dalam bentuk kumpulan mahupun persendirian. Amalan ini juga dilakukan oleh ahli institusi Islam yang lain walaupun bukan dalam bentuk tersusun seperti jemaah Tabligh dan bukan dengan jumlah yang kerap.

Amalan ziarah ini juga telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w semasa beliau datang ke rumah penduduk Mekah mengajak mereka kepada Islam.

#### **4. Pendekatan Melalui Tarbiyah Ahli.**

Institusi Islam di Perlis juga memainkan peranan dalam usaha mengembalikan umat Islam kepada ajaran al-Qur'an. Usaha untuk melatih para ahli agar menjadi seorang muslim yang berkualiti dilakukan oleh institusi Islam seperti ABIM, Jemaah Tabligh, Persatuan Islah dan juga PAS .

Rasulullah s.a.w. sentiasa membentuk para sahabatnya dengan akhlak yang mulia bagi tujuan memperlengkapkan mereka dengan ajaran Islam. Usaha ini dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. semasa beliau berkumpul dengan sahabatnya di rumah al-Arqam di samping menjadikan dirinya sebagai contoh teladan kepada para sahabatnya .

#### **5. Pendekatan Melalui Pengajian Ilmu.**

Institusi Islam di Perlis menjadikan majlis pengajian ilmu samada di masjid-masjid atau ditempat-tempat yang dikhaskan sebagai ruang untuk menambahkan pengetahuan ahli mereka dengan ilmu pengetahuan. Tokoh-tokoh ulama dari setiap institusi Islam akan membaca kitab-kitab tertentu samada yang berkaitan dengan akidah, ibadat, hukum hakam dan lain-lain.

Hal ini juga dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. di mana ada di kalangan sahabatnya yang menjadi penulis wahyu, ada yang sentiasa berada di sampingnya untuk mengingati sabdaannya.

## **Aspek-aspek Persamaan Dalam Pendekatan Dakwah Kepada Masyarakat Bukan Islam**

### **1. Pendekatan Melalui Pendedahan Islam Kepada Para Pemimpin Masyarakat.**

Institusi Islam yang terlibat dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Perlis seperti JAIPS dan PERKIM Perlis mengambil pendekatan dengan cara mendedahkan Islam para pemimpin masyarakat bukan Islam. Ini kerana bila para pemimpin ini mendapat kefahaman yang betul mengenai Islam dan tepat dapat menghilangkan kekeliruan yang bersarang dalam kepala mereka tentang Islam dan ajarannya. Mereka ini diharap dapat memberi pandangan dan pendapat mereka tentang Islam kepada pengikut-pengikut mereka. Peluang ini diambil ketika diadakan majlis keagamaan seperti majlis menyambut hari kebesaran Islam seperti sambutan *Maulid al-Rasul*, sambutan *Maal Hijrah* begitu juga majlis perasmian masjid.

Pendekatan ini telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. di mana beliau akan menemui para pemimpin Quraisy samada dari kalangan keluarganya sendiri mahupun pemimpin dari kabilah Arab yang terdapat di Mekah bagi menerangkan Islam kepada mereka. Dengan ini mereka akan dapat memberi penerangan tentang Islam kepada pengikut mereka.

Rasulullah sering menemui pemimpin Quraisy seperti ‘Utbah bin Rabi‘ah, Syaibah bin Rabi‘ah dan Abu Jahal, Abu Sufian samada di depan kaabah mahupun di tempat mereka selalu berkumpul.

## **2. Pendekatan Melalui Isi Kandungan Dakwah.**

Dari sudut isi kandungan dakwah penulis mendapati institusi Islam Perlis yang terlibat secara langsung dengan aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan islam seperti PERKIM dan JAIPS lebih mengutamakan isi kandungan dakwah yang hendak dikemukakan kepada sasaran dakwah ringkas dan mudah difahami. Ini penting memandangkan masyarakat bukan Islam tidak begitu memahami isi kandungan Islam secara mendalam. Pendedahan awal tentang ajaran Islam yang pada dasarnya hampir menyamai isi kandungannya dengan agama-agama lain dari sudut mengajak manusia kepada perkara kebaikan dan nilai-nilai kemanusiaan. Dengan ini masyarakat bukan Islam akan cuba mendekati dan memahami ajaran Islam selepas beberapa kekeliruan yang timbul dalam diri mereka dapat dihilangkan.

Jika kita melihat pendekatan Rasulullah s.a.w. sewaktu beliau menyampaikan seruannya yang pertama dahulu lebih tertumpu kepada tauhid kepada Allah S.W.T. memandangkan pada masa itu majoriti penduduk Mekah terdiri dari golongan musyrikin yang mengakui kewujudan Allah S.W.T. tetapi mensyirikkannya dalam ibadat mereka. Oleh kerana masyarakat Mekah sudah mengakui kewujudan Allah S.W.T.

maka Rasulullah s.a.w. mengajak mereka kembali kepada agama yang sebenarnya iaitu agama tauhid. Sebagaimana peringkat permulaan dakwah Islam yang diterokai oleh Rasulullah s.a.w. tidak mengemukakan perkara-perkara yang berkaitan dengan syariah Islam dan hukum hakam begitu jugalah dengan pendekatan PERKIM dan juga JAIPS yang lebih banyak mendedahkan tentang ajaran Islam dan kebaikannya dari sudut luaran sahaja.

### **3. Pendekatan Melalui Tulisan .**

Pihak JAIPS telah menggunakan pendekatan dakwah melalui pengedaran buku dan risalah tentang Islam sebagai bahan bacaan untuk golongan bukan Islam. Kerjasama antara agensi Kerajaan dengan bantuan PERKIM sebagai institusi yang mengedarkan bahan-bahan bacaan tersebut kepada masyarakat bukan Islam dan juga tempat tumpuan masyarakat bukan Islam.

Rasulullah s.a.w. mempunyai penulis-penulis wahyu yang akan menuis ayat-ayat al-Qur'an dan ini sebagai satu cara Rasulullah s.a.w. berdakwah kepada masyarakat Quraisy kerana mereka mengagumi ketinggian bahasanya. Ada pemimpin-pemimpin Quraisy yang mendengar bacaan dari Rasulullah s.a.w. dan juga bacaan dari para sahabatnya seperti yang berlaku kepada Abu Sufian yang mencuri dengar bacaan Rasulullah s.a.w., begitu juga dengar Umar yang memeluk Islam selepas mendengar bacaan dari adiknya. Pada masa itu ramai juga dari kalangan orang-orang Quraisy yang boleh membaca dan menulis.

#### **4. Pendekatan Melalui Khutbah Umum.**

JAIPS sebagai sebuah institusi Islam Kerajaan Negeri Perlis telah menggunakan khutbah Jumaat dan ceramah agama sebagai landasan untuk mendakwahkan Islam kepada masyarakat bukan Islam secara tak langsung. Ini dilakukan dengan kerjasama dengan Radio Kangar milik Kerajaan Pusat dan secara tak langsung isi kandungan khutbah dan ceramah dapat didengar oleh masyarakat bukan Islam yang mula meminati Islam. Pendekatan ini hampir menyerupai pendekatan Rasulullah s.a.w. walaupun tidak kesemuanya kerana Rasulullah s.a.w. pernah beberapa kali memberikan khutbah kepada semua masyarakat Mekah samada di tempat perkumpulan manusia di sekeliling kaabah atau di bukit Sofa. Khutbahnya dapat didengar oleh masyarakat Quraisy Mekah kerana beliau memilih tempat yang tinggi dan ketika suasana orang ramai.

#### **5. Pendekatan Melalui Dakwah Secara *Fardiyah* .**

JAIPS dan PERKIM Perlis telah menggunakan cara pendekatan dakwah secara *fardiyah* sebagai satu cara menyebarkan Islam kepada masyarakat bukan Islam di Perlis . Cara ini telah dilakukan sejak beberapa tahun kebelakang namun secara tidak begitu mantap kerana kekurangan tenaga dan latihan. Walaupun begitu berdasarkan program yang akan disusun dan dilaksanakan hasil dari jalinan kerjasama antara JAIPS dengan PERKIM Perlis adalah diharapkan akan membawa hasil yang lebih membanggakan. Program ini lebih kepada membentuk para pendakwah dari

kalangan saudara baru menjadi pendakwah yang memiliki ilmu dakwah yang tinggi dan berkemampuan . Ini adalah satu cara satu dakwah yang berkesan dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam.

Pendekatan ini sama dengan pendekatan yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. di mana beliau akan membentuk para pendakwah dari kalangan sahabatnya seperti Abu Bakar, Ali, Uthman dan lain bagi menjalankan dakwah secara *fardiyah* kepada masyarakat Quraisy Mekah. Sebagaimana Rasulullah s.a.w. melatih para sahabatnya menjadi pendakwah yang berkemampuan di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam, Pihak JAIPS dan juga PERKIM Perlis juga menjadikan pusat dakwah sebagai tempat untuk mereka melatih para pendakwah dari kalangan saudara baru supaya mampu menjadi pendakwah yang berkebolehan.

## **6. Pendekatan Melalui Penampilan Akhlak Mulia**

JAIPS dan PEKIM Perlis juga melihat bahawa penampilan akhlak yang mulia melalui cara pergaulan sesama Islam dan pergaulan dengan masyarakat bukan Islam dapat memberi gambaran kepada masyarakat bukan Islam tentang ajaran Islam yang sebenarnya. Ini adalah satu cara menyebarkan Islam berdasarkan kepada beberapa individu yang memeluk Islam kerana tertarik kepada akhlak Islam yang telah diperlihat oleh orang Islam yang benar-benar menghayati ajaran Islam yang sebenarnya.

Rasulullah s.a.w. telah menggunakan cara penampilan akhlaknya yang mulia itu sebagai cara mendekati masyarakat Quraisy, Para nabi dan rasul juga terpelihara perbuatan mereka dari sesuatu yang boleh menjatuhkan

martabat mereka sebagai utusan Allah S.W.T. . Oleh itu Rasulullah s.a.w. sentiasa memberi penekanan kepada pembentukan akhlak mulia di mana sifat-sifat mulia yang menjadi teras kepada agama Islam seperti benar, amanah, baik hati sentiasa diberi perhatian oleh Rasulullah s.a.w.. hasil dari pendekatan akhlak ini dapat memikat hati kalangan kaum Quraisy untuk memeluk Islam.

## **7. Memberi Kefahaman Islam Yang Sebenarnya Terhadap Saudara Baru**

JAIPS dan juga PERKIM Perlis yang telah mengambil peluang dari kemudahan yang ada pada mereka untuk memberi didikan dan latihan yang secukupnya kepada para saudara baru agar mereka mantap dari segi akidah dan ilmu Islam dan mampu meikul tanggungjawab sebagai pendakwah kepada agama Allah S.W.T. . Berbagai program disusun samada kelas agama dan pengajian diberikan kepada para saudara baru.

Rasulullah s.a.w. akan memberi kefahaman yang mendalam tentang ajaran Islam kepada para sahabatnya yang baru memeluk Islam agar akidah mereka menjadi mantap dan teguh tidak dapat digugat oleh orang-orang Quraisy walaupun mereka telah menyeksa dan menggunakan berbagai cara untuk mengembalikan sahabat Rasulullah s.a.w. kepada agama asal mereka namun semua usaha orang-orang Quraisy tidak berhasil. Dengan adanya kefahaman tentang Islam dan tanggungjawab menyebarkan agama kepada semua manusia menyebabkan para sahabat Rasulullah s.a.w. sanggup

berkorban jiwa raga mereka, harta benda mereka demi menyebarkan agama Islam ke seluruh alam.

#### **8. Pendekatan Melalui Pendakwah Yang Sama Bangsa atau Keturunan.**

JAIPS dan PERKIM Perlis telah menggunakan para saudara baru yang terdiri dari berbagai bangsa samada dari masyarakat Cina, India dan Thailand menjadi pendakwah kerana mereka lebih mengetahui adat dan budaya bangsa mereka sendiri di samping mereka memiliki kelebihan boleh berkomunikasi dengan baik serta difahami oleh bangsa mereka sendiri. Ini berbeza dengan orang-orang Islam dari masyarakat Melayu yang tidak memiliki kemahiran berkomunikasi samada terhadap masyarakat Cina, India dan Thailand melainkan dengan bahasa Melayu sahaja.

Rasulullah s.a.w. akan mengambil peluang bila mana seseorang itu memeluk Islam dia akan kembali kepada kaumnya dan mengajak mereka kepada Islam, ini kerana seseorang itu akan mudah mendekati kaumnya sendiri disebabkan hubungan yang rapat dan mereka pula mengenali dirinya. Ini dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. bila Thufail al-Duusi seorang pemimpin dari kabilah al-Duusi dan seorang penyair dan memeluk Islam dan kembali ke tempat kaumnya serta mengajak mereka memeluk Islam. Hasil dari usahanya semua kaumnya memeluk Islam.

## **9. Menerima Kedatangan Orang Yang Ingin Memeluk Islam Secara Perseorangan.**

JAIPS dan PERKIM Perlis akan menerima mana-mana individu bukan Islam yang ingin memeluk Islam. Walaupun mereka itu ingin memeluk Islam bukan berpunca dari usaha dakwah yang dilakukan oleh institusi tersebut. Segala bantuan dan kemudahan akan disediakan untuk mereka di samping khidmat nasihat dihulurkan kepada para saudara baru agar mereka dapat merasai kenikmatan berada dalam agama Islam.

Rasulullah s.a.w. didatangi oleh orang perseorangan yang ingin memeluk Islam bila mereka mendengar berita tentang kemunculan beliau dengan membawa agama baru, berbagai berita yang didengar oleh mereka menyebabkan mereka datang untuk melihat sendiri serta berjumpa dengan Rasulullah s.a.w. . Antara mereka yang datang berjumpa terus dengan Rasulullah s.a.w. ialah Suwaid bin Shamid dari Yathrib, Iyaz bin Mu'az, Abu Zhar al-Ghfari , Thufail al-Duusi dari kabilah al-Duusi dan Dhamad al-Azdi dari kabilah Syanu'ah di Yaman

## **10. Memberi Bantuan Kewangan**

JAIPS dan juga PERKIM Perlis telah memberi sumbangan kewangan kepada golongan saudara baru bagi mengembirakan hati mereka, sumbangan ini samada didapati dari derma umat Islam mahupun dari Baitul Mal Negeri Perlis. Dengan adanya bantuan dan sumbangan ini dapatlah mengukuhkan kedudukan ekonomi para saudara baru.

Rasulullah s.a.w. akan menggunakan hartanya bagi menarik minat kaum musyrikin kepada Islam. Pendekatan ini dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dengan mengadakan jamuan makan di rumahnya. Rasulullah s.a.w. juga akan menggalakkan sahabatnya agar mengorbankan harta benda mereka untuk dibelanjakan pada jalan Allah S.W.T. . Abu Bakar contohnya telah banyak membelanjakan hartanya bagi membantu golongan yang tertindas seperti golongan hamba di mana beliau telah menggunakan hartanya untuk membebaskan Bilal bin Rabah dan beberapa orang lagi.

### **Kesimpulan**

Dalam konteks perlaksanaan dakwah di Perlis pada hakikatnya memerlukan komitmen yang tinggi dari setiap pendakwah yang menceburii bidang dakwah kerana begitu banyak halangan yang terpaksa mereka tempuh dan ke semua ini sebenarnya adalah kesinambungan dari halangan yang telah dihadapi oleh pendakwah-pendakwah terdahulu di mana ia melibatkan samada halangan dari pendakwah sendiri atau halangan dari sasaran dakwah serta masyarakat umat Islam sendiri . Kesungguhan dari para pendakwah dan ketekalan dalam menghadapi setiap halangan tersebut adalah intipati kepada rahsia kejayaan dalam setiap aktiviti dakwah yang dijalankan .